

Mencari penyelesaian terbaik bendung gejala seks bebas remaja

DESAKAN supaya kerajaan menyegerakan pendidikan seks secara formal di sekolah kembali ke-dengaran apabila kes pembuangan bayi dan gejala seks bebas remaja semakin menjadi-jadi kebelakangan ini. Kejadian terbaru seperti dilaporkan Rabu lalu, dua bayi lelaki ditemui di Rawang dan Seremban. Sebelum itu media turut melaporkan kajian sekumpulan pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapati remaja di negara ini terbabit dalam salah laku seks dan seks bebas seawal usia 13 tahun. Pendidikan seks di sekolah bukanlah isu baru di Malaysia. Ia sudah mula diperkatakan, malah didebatkan seawal 1980-an. Datuk Seri Hishammuddin Hussein ketika menjadi Menteri Pelajaran pernah mengumumkan akan memperkenalkan pendidikan seks di sekolah pada 2006. Bagaimanapun ia ditangguh kerana ada bantahan beberapa pihak, termasuk ibu bapa. Persoalan utama perlu dijawab ialah kewajaran pendidikan seks diajar di sekolah. Bagi pihak bersetuju, pastinya mereka mengemukakan pelbagai bukti daripada kajian dilakukan, manakala pihak yang membantah turut mengemukakan hujah masing-masing. Di sebalik semua polemik itu, isu pembuangan bayi yang tidak berdosa terus berlaku seperti tiada kesudahannya, walaupun pelbagai usaha dan pendekatan dilaksanakan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam menangani masalah itu. Sejauh mana pendidikan seks di sekolah mampu mencegah seks bebas daripada terus berlaku? Apakah pendidikan seks sematamata mampu mencegah seks bebas dan membanteras kes pembuangan bayi? Sebelum ini, cadangan memperkenalkan pendidikan seks sebagai subjek khas di sekolah pernah ditolak berikutan keengganan segelintir ibu bapa menerimanya, selain mendapat bantahan beberapa NGO. Berikutan itu, dasar Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PKRS) diperkenalkan bagi mengantikannya. Ia lebih menekankan pengetahuan mengenai kesihatan reproduktif dan sosial bagi mendidik generasi muda daripada terjebak dalam gejala tidak bermoral. Pihak yang membantah berpendapat pendidikan seks dan PKRS bukan penyelesaian masalah sosial remaja, sebaliknya hanya penyelesaian jangka pendek dan tidak memfokuskan kepada persoalan pokok masalah yang berlaku.

Bagi yang menyokong, mereka menggesa kerajaan segera memperkenalkan pendidikan seks di sekolah secara formal. Mereka berpendapat tiada kompromi untuk membendung gejala itu, sebaliknya memperkenalkan pendidikan seks di sekolah, selain memantapkan institusi keluarga, agama serta menguatkuasakan sepenuhnya undang-undang. Mereka menyarankan kerajaan mewujudkan modul khas berkaitan pendidikan seks di sekolah yang boleh digunakan mengikut kesesuaian peringkat usia pelajar. Hakikatnya, Kementerian Pelajaran pernah memperkenalkan pendidikan seks secara merentas kurikulum di sekolah atau menerusi PKRS, masing-masing pada 1989 bagi sekolah menengah dan 1994 untuk sekolah rendah. Malangnya, tiada kajian dibuat selepas itu bagi menilai sejauh mana ia membantu mencegah aktiviti tidak bermoral itu. Apapun, semua pihak – sama ada yang membantah atau bersetuju – perlu mencari penyelesaian terbaik bagi menangani gejala seks bebas dan pembuangan bayi yang sering berlaku kebelakangan ini.